

bah

Najib - Presiden

TIADA USAHA TOLAK DR MAHATHIR, KATA NAJIB

KUANTAN, 7 Okt (Bernama) -- Gelombang perubahan dalam UMNO sekarang ialah untuk mempertahankan dan memperkukuhkan kepimpinan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan untuk menolaknya seperti khabar angin yang disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, kata Datuk Seri Najib Tun Razak malam tadi.

Ketua Pemuda UMNO yang kini mendapat pencalonan terbanyak untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden itu berkata: "Ada khabar-khabar angin yang sengaja diada-adakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kononnya gelombang dan angin perubahan ini dalam masa 18 bulan lagi, akan menolak kepimpinan Dr Mahathir.

"Saya perlu jelaskan di sini bahawa tiada secebis niat dalam hati, tiada sedikitpun perancangan ke arah menolak kepimpinan Dr Mahathir, malah gelombang ini ialah untuk mempertahankan dan memperkukuhkan kepimpinannya untuk tahun-tahun akan datang.

"Jika ada di sebaliknya, semoga kita yang taat kepada Dr Mahathir tidak akan bersama-sama dalam perancangan seperti itu."

Najib berkata demikian kepada kira-kira 500 orang hadirin pada majlis makan malam pemimpin UMNO anjuran Perhubungan UMNO Pahang di sini.

Yang turut serta ialah Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob, dua calon Naib Presiden lain Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik, yang dicalonkan untuk jawatan Ketua Pemuda, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Ibrahim Saad serta beberapa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. -- Lagi.

▼07/10/11-58MST

CNS2335

R PB 07-10 00205 BA897

bah

Najib - Presiden 2 (akhir) Kuantan

Selain Najib, Muhyiddin, Muhammad Taib dan akhirnya Khalil turut berucap dan ucapan-ucapan mereka juga menyelitkan tentang tiadanya hasrat Pasukan Wawasan -- gelaran yang diberikan kepada pasukan mereka bagi menghadapi pemilihan pada Perhimpunan Agung parti bulan depan, untuk menggugat kepimpinan Mahathir dalam pada menyatakan sokongan terhadap pencalonan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk jawatan Timbalan Presiden parti.

Najib seterusnya berkata, dalam menghadapi pemilihan itu, tidak timbul soal untuk mengetepikan pemimpin tertentu. "Yang kita pentingkan ialah memilih pemimpin yang terserlah keplimpinannya, yang bersesuaian dengan zaman dan situasi hari ini," katanya.

Khalil pula dalam ucapannya berkata, Pasukan Wawasan telah memikirkan kedudukan Presiden parti yang perlu dikukuhkan dan dibela daripada tuhmahan dalam surat-surat layang, apabila pasukan itu menganjurkan usaha membawa perubahan dalam kepimpinan parti.

"Apakah kita tidak ingin membentuk pasukan yang Presiden dengan wawasannya, kekal?" katanya.

Beliau yang juga Menteri Besar Pahang berkata, apabila Pengerusi-pengerusi Perhubungan UMNO negeri-negeri menyatakan sokongan mereka kepada Anwar, mereka telah sebelumnya menyatakan tidak akan melihat kedudukan Presiden, dalam gelombang perubahan sekarang, tergugat. -- Lagi

"Kita sokong Anwar kerana tahu dialah orang nombor dua yang boleh menguatkan kedudukan Presiden parti," katanya. -- Bernama

AWA NMO

▼07/10/11-59MST